

Newspaper	Berita Harian
Date	15/1/2013

# Setia Haruman sasar 2016

» *Pembangunan di Cyberjaya mampu tarik pelabur syarikat multinasional*

Oleh Magendran Rajagopal  
bhbiz@bharian.com.my

► Cyberjaya

**S**etia Haruman Sdn Bhd, pemaju utama Cyberjaya, mengunjurkan kebanyakan projek pembangunan di kawasan itu membabitkan pelaburan keseluruhan RM32 bilion sejak 1997 dijangka siap menjelang 2016.

Sehubungan itu, Pengerusinya, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata beliau yakin Setia Haruman mampu menarik lebih banyak pelaburan daripada syarikat multinasional, sekali gus merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan kawasan berkenaan.

"Dalam tempoh ini juga kita sasaran jumlah penduduk di kawasan persekitaran Cyberjaya akan meningkat kepada 100,000 berikutan kepesatan pembangunan dan pembinaan kawasan perumahan baru termasuk mampu milik.

"Di kawasan seluas kira-kira 400 hektar ini, kita akan bina syarikat multinasional antarabangsa di lokasi strategik, sekali gus membuka peluang pekerjaan lebih luas kepada anak tempatan.



Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali mendengar penerangan daripada Mustapha Kamal (kiri) mengenai pembangunan terkini di Cyberjaya ketika lawatannya ke Setia Haruman Sdn Bhd, semalam [FOTO BERNAMA]

## Pusat komersial hebat

"Saya yakin dengan kepesatan pertumbuhan ini, Cyberjaya akan mengalami perubahan besar sebagai pusat komersial dan penempatan hebat," katanya kepada media selepas taklimat khas pembangunan terkini di Cyberjaya kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, di sini, semalam.

Mustapha berkata, bagi merencanakan pembelian rumah di Cyberjaya, sebanyak 3,680 unit rumah mampu milik akan dibina dengan harga permulaan serendah RM120,000.

"Sebelum ini, Cyberjaya disifatkan sebagai tempat yang sunyi dan jauh dari bandar raya Kuala Lumpur tetapi kini ia tidak lagi menjadi isu kerana kita akan sediakan semua kemuda-

han seperti masjid sehingga pusat dialisis termasuk kawasan perkuburan," katanya.

## Mulakan kerjasama

Tambah beliau, pihaknya juga merancang memulakan kerjasama dengan kerajaan dan universiti tempatan untuk mewujudkan latihan kemahiran khusus kepada anak tempatan supaya mereka boleh bekerja di syarikat multinasional yang beroperasi di situ.

"Melalui perancangan ini, kita bukan saja mahu menyediakan bangunan yang menepati spesifikasi dikehendaki pelabur luar, sebaliknya turut menyediakan tenaga pakar tempatan yang boleh bekerja dengan mereka," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, beliau masih berpegang kepada hasratnya sebelum ini untuk menjadikan Cyberjaya sebagai lokasi berkumpulnya tenaga pakar asing yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

"Apabila kita mengambil orang yang berkebolehan masuk ke negara kita, ia mampu menjana pertumbuhan ekonomi. Australia misalnya tidak membenarkan buruh asing masuk tetapi sebaliknya membuka pintu kepada mereka yang mempunyai kepakaran.

"Sebab itu, saya berpegang kepada pendapat saya kerana mereka dapat memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan negara kita," katanya.